

14 FEB 2001

SC-ANGGOTA

DATUK ABDULLAH TAHIR DILANTIK ANGGOTA BARU SC

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Suruhanjaya Sekuriti (SC) hari ini mengumumkan bahawa Datuk Dr Abdullah Mohd Tahir telah dilantik menjadi anggota baru suruhanjaya itu berkuat kuasa mulai 1 Feb 2001.

Abdullah, kini Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Utama, menggantikan Datuk Haron Siraj yang tempohnya berakhir 31 Jan 2001, SC berkata di dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Di dalam satu kenyataan, SC berkata Abdullah telah berkhidmat di dalam perkhidmatan awam sejak 1970 dan telah berkhidmat di beberapa agensi kerajaan.

Antara lain, beliau adalah pengarah perdagangan dan industri di Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri pada 1986 dan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dari 1991-1997.

Abdullah, yang memperolehi ijazah kedoktoran dalam ekonomi daripada American University (AS), kini menduduki lembaga pengarah MIDF Sisma Securities dan Perbadanan Nasional Bhd (PNS). -- BERNAMA

SHO SEL OS

14/02/2001 16-44ST

bes bns bem

PASARAN-PELAN INDUK

PELAN INDUK PADSARAN MODAL AKAN DILANCAR 22 FEB

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Pelan Indeks Pasaran Modal, satu pelan terperinci menggariskan wawasan dan strategi bagi menjadikan Malaysia sebuah pasaran modal brkelas antarabangsa akan dilancarkan oleh Mentair Kewangan Tun Daim Zainuddin pada 22 Feb depan.

Pelan induk itu, yang didaya utamakan oleh Suruhanjaya Sekuriti pada kemuncak krisis ekonomi pada 1998, dijangka merangka arah haluan masa depan pasaran modal tempatan bagi 10 tahun akan datang.

Komponen-komponen penting pelan induk itu akan termasuk penubuhan sebuah pasaran bon kebangsaan, pembangunan selanjutnya pasaran modal secara Islam, penyatuan industri pembrokeran saham dan institusi-institusi pasaran dan mengurangkan kos urus niaga.

Di samping itu, isu-isu berkaitan dengan e-dagang dan peraturan-peraturan baru berhubung dengan ekonomi baru akan juga dirangkumkan di dalam pelan Induk itu.

Untuk membantu dalam perumusan Pelan Induk itu, sebuah pasukan petugas khas, Jawatankuasa Strategik Pasaran Modal (CMSC) dituhuhkan pada 1999, dengan anggota-anggota dialntik oleh Menteri Kewangan.

Diketuai oleh pengerusi SC Ali Abdul Kadir, CMSC termasuk tokoh-tokoh pasaran modal termasuk pengarah urusan YTL Corporation Bhd, Tan Sri Francis Yeoh, pengerusi Bursa Saham Kuala Lumpur, Datuk Azlan Hashim dan pengarah urusan (bon korporat) Salomon Smith Barney (M) Sdn Bhd, Stephen Taran. -- BERNAMA

MOT KTC OS

14/02/2001 16-56ST

bes bns bem

MALAYSIA-MORGAN STANLEY

PERHATI TINDAKAN MAHATHIR KE ATAS EKONOMI M'SIA, KATA MORGAN

Oleh Tham Choy Lin

SINGAPURA, 14 Feb (Bernama) -- Michael Dee, ketua serantau baru Morgan Stanley Dean Witter di sini menyatakan pelabur-pelabur antarabangsa sepatutnya melihat kepada apa yang dilakukan oleh Perdana Menteri Malaysia terhadap negara dan bukan kepada retorikanya.

Dee, yang dilantik sebagai ketua pegawai eksekutif baru pejabat di Singapura bagi firma perkhidmatan kewangan global itu bulan lalu berkata, pelabur-pelabur sering berhati-hati terhadap sikap berterus-terang dan provokatif pemimpin Malaysia itu.

Dengan menyifatkan Malaysia sebagai satu daripada negara yang paling sering disalah anggap oleh pelabur-pelabur antarabangsa, beliau berkata kawalan modal yang diperkenalkan oleh Dr Mahathir ketika krisis ekonomi pada 1998 memberi hasil yang baik kepada negara itu.

Beliau juga memuji operasi Bank Negara Malaysia di bawah Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), yang ditubuhkan untuk memulihkan ekonomi Malaysia daripada krisis.

"Orang ramai tidak begitu menghargai tahap profesionalisme di Bank Negara. Teknorat (di Malaysia) adalah antara yang terbaik di Asia dan ianya dicerminkan sepenuhnya oleh Dr Zeti," katanya.

Dee juga memberikan pujiannya kepada pihak-pihak yang bertanggung jawab di MTEN yang disifatkannya sebagai profesional.

"Terus terang saya katakan, ada sesetengah pihak yang tidak menyukai komen Dr Mahathir, dan nasihat saya adalah lihat kepada apa yang dilakukannya dan bukan apa yang dikatakannya," kata Dee kepada Bernama.

Menurutnya, perbahasan Mahathir-Soros di Bank Dunia tidak berapa lama dahulu perlu disemak semula kerana "apabila anda melihat semula dan membaca apa yang disampaikan olehnya (Dr Mahathir), dalam banyak perkara beliau sememangnya betul."

Bagi kawalan modal terpilih, beliau berkata, "Walaupun mungkin tidak begitu sesuai untuk berkata ia berjaya sepenuhnya dan menjadi satu penunjuk jalan kepada bank-bank pusat seluruh dunia, ia adalah satu tindak balas dasar yang sangat berbeza dan mereka tidak pernah meminta-minta pertolongan daripada IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa).

Mahathir dan George Soros, tokoh kewangan terkemuka Amerika Syarikat berdebat ketika mesyuarat bersama IMF-Bank Dunia pada 1997 di Hong Kong dengan pemimpin Malaysia itu mengkritik peranan spekulator mawatang dan menggesa dagangan matawang dihapuskan.

Setahun kemudiannya, Dr Mahathir mengenakan kawalan modal terpilih dan memberhentikan dagangan luar pesisir bagi ringgit Malaysia. Sejak itu ekonomi Malaysia mula pulih daripada kemelesetan dan kawalan tersebut sedikit sebanyak telah dilonggarkan.

Hanya pada bulan lalu, BNM mengumumkan cukai keluar 10 peratus bagi keuntungan bagi tempoh lebih daripada 12 bulan telah dihapuskan. Ini bermakna berkuatkuasa daripada 1 Feb, 2001, cukai 10 peratus hanya akan dikenakan kepada keuntungan yang dihasilkan daripada pelaburan portfolio yang dihantar pulang 12 bulan atau kurang daripada bulan keuntungan diperolehi.

Ini adalah satu langkah penting ke arah melonggarkan sistem cukai ke atas modal portfolio yang diperkenalkan pada 1 Sept, 1998 bagi mengekang kegiatan spekulatif

Apabila ditanya sama ada Malaysia telah mengurangkan peranan firma itu terutama dengan tinjauan lemah semasa bagi Asia Tenggara, Dee menegaskan bahawa Morgan Stanley Dean Witter masih lagi bergiat cergas di negara itu.

Beliau menyatakan terdapat banyak syarikat Malaysia bertaraf dunia yang boleh dibantunya terutama dalam bahagian perbankan pelaburan.

Sebagai contoh, beliau berkata Malaysia tidak pernah menghadapi masalah dalam mengumpul modal antarabangsa menerusi bon kerana negara itu tidak pernah gagal membayar faedah atau mengehadkan sebarang kemasukan dolar

Amerika untuk dibayar kepada pelabur-pelabur antarabangsa.

Bagaimanapun, aliran masuk dana antarabangsa ke Malaysia masih lagi terhad kerana pelabur-pelabur bimbang terhadap kawalan matawang dan penghantaran pulang dana, jelas Dee.

"Pelabur-pelabur mahukan kecairan kerana ia adalah prinsip fundamental dan mereka suka kepada keadaan yang stabil," katanya.

Selain itu, Dee berkata penting bagi Danaharta Nasional Bhd dan Danamodal Nasional Bhd untuk meneruskan peranan mereka dan menjual aset yang mereka perolehi dan memutuskan bagaimana mereka mahu menyesuaikan dengan sistem antarabangsa. -- BERNAMA

TCL KTC SHY ZK OS

14/02/2001 17-07ST

bes bns bem

BCB-PEMEGANG AMANAH

ANAK SYARIKAT BUMIPUTRA-COMMERCE LANCAR PERKHIDMATAN PEMEGANG AMANAH

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Bumiputra Commerce Trustee Bhd (BCT), anak syarikat Bumiputra-Commerce Bank Bhd (BCB), bertekad untuk menarik sekurang-kurangnya 1,000 pelanggan untuk melanggan produk terbarunya iaitu perkhidmatan pemegang amanah "Hibah Harta" dalam tempoh setahun pelancarannya.

Perkhidmatan ini bertujuan memenuhi tuntutan umat Muslim yang berhasrat untuk memindah atau "mengagih" aset-aset mereka kepada para waris dengan lebih cepat, selamat, berkesan dan bebas daripada sebarang masalah.

Menurut Azmi Abdullah, naib presiden eksekutif BCB, perkhidmatan Hibah Harta yang dilancarkan bersama-sama dengan perkhidmatan berkembar "Hadiah Sulaman Kasih" bagi pelanggan bukan Muslim, melibatkan proses pemindahan aset daripada penderma kepada yang lain. BCT pula dilantik sebagai pemegang aset pengamanah untuk kedua-ke dua penderma dan para waris.

"Pelancaran kedua-dua perkhidmatan oleh BCT kena pada masanya kerana ia memenuhi permintaan yang kian meningkat untuk mendapatkan satu rumusan berkesan menangani sebarang penangguhan atau masalah yang sering timbul dalam proses perundangan ke atas pengagihan aset sebaik sahaja berlaku satu-satu kematian," kata Azmi pada satu persidangan akhbar yang diadakan di sini hari ini.

Azmi menjelaskan aset yang diletakkan di bawah perkhidmatan pengamanah adalah dilindungi daripada sebarang rampasan atau prosedur penguatkuasaan terhadap penderma semasa hayatnya, dengan syarat tiada sebarang halangan dilaporkan sebelum ini.

"Hibah Harta juga direkabentuk khususnya untuk memenuhi keperluan Muslimah kerana ia memberi jaminan pemeliharaan milik harta benda daripada sebarang desakan pihak ketiga selepas berlakunya kematian," kata beliau.

"Ia juga memberi jaminan yang harta milik isteri secara automatiknya akan dipindahkan kepada anak-anak dan bukannya suami."

Hibah Harta memenuhi prinsip-prinsip Syariah atau perundangan Islam dan BCT menerima pengesahan daripada Majlis Fatwa Wilayah Persekutuan untuk menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan.

Beliau berkata sebaik sahaja berlakunya kematian penderma, BCT akan segera melaksanakan proses pengagihan harta bersesuaian dengan kemahuan pengamanah.

"Ini boleh dilakukan kerana di bawah Hibah Harta dan Hadiah Sulaman Kasih, tidak perlu untuk mendapatkan surat pentadbiran. Pada masa ini, tiada cukai khusus yang dilaksanakan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan pemegang amanah, sementara duti setem biasa hanya diperlukan sebaik sahaja proses pemindahan selesai," tegas beliau.

Di bawah Hibah Harta dan Hadiah Sulaman Kasih, para penderma boleh

terus menerima faedah seperti sewa, dividen dan perolehan lain daripada aset-asetnya.

Azmi juga berkata kedua-dua perkhidmatan pemegang amanah pada masa ini boleh diperolehi di Lembah Kelang dan akan diperluaskan meliputi Utara dan Selatan Semenanjung Malaysia dalam tempoh dua bulan.

"Kedua-dua perkhidmatan pemegang amanah ini boleh didapati di Malaysia Timur dalam tempoh enam bulan," tambah beliau. -- BERNAMA

CL SEL AA OS

14/02/2001 17-17ST

bes bns bem

BCB-KEPUTUSAN

KEPUTUSAN KEWANGAN BCB TAHUN INI SEPERTI DIJANGKA

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Keputusan kewangan kumpulan Bumiputra-Commerce Bank Bhd (BCB) bagi tahun berakhir 31 Dis 2000 adalah seperti yang dijangka, kata Pengarah Eksekutif Azmi Abdullah.

Keputusan ini juga merupakan keputusan kewangan bagi tahun penuh pertama dan gabungan prestasi Bank Bumiputra Malaysia Bhd dan Bank of Commerce Bhd, berikutan penggabungan mereka, katanya.

"Kami telah menutup akaun dan menyerahkan semua kertas kami kepada pihak berkuasa untuk kelulusan, jadi adalah terlalu awal bagi kami untuk bercakap mengenai prestasi sebelum diluluskan," katanya.

Bagaimanapun, Azmi memberitahu bahawa kumpulan BCB telah mencatat pertumbuhan pinjaman yang menggalakkan yang melebihi 13 peratus.

"Pertumbuhan ini agak meluas," katanya kepada sidang media sempena pelancaran perkhidmatan pemegang amanah berkembar yang ditawarkan oleh Bumiputra-Commerce Trustee Bhd, anak syarikat kumpulan BCB.

Ditanya mengenai operasi bank selepas penggabungan itu, Azmi berkata operasi kumpulan itu berjalan lancar sebagai satu pasukan.

Bagaimanapun, katanya, kumpulan itu tidak menolak sebarang kemungkinan menutup cawangan-cawangan tertentu atau melaksanakan Skim Pengasingan Sukarela (VSS) bagi kakitangan sedia ada bagi mengukuhkan operasi semasa.

"..... dan kami melihat bidang-bidang lain yang mungkin memerlukan susunan semula kakitangannya.

Sementara itu, Azmi juga berkata BCB telah melabur RM160 juta sejak tahun lepas bagi mengemas kini prasarana teknologi maklumat (IT)nya.

"Kami harap untuk membereskan proses integrasi IT antara kedua-dua entiti pada awal Jun tahun ini dan membina platform tunggal dalam kumpulan itu," katanya. -- BERNAMA

WNZ KTC JR

14/02/2001 17-54ST

bes bns bem

MAICCI-URUGUAY

MAICCI MINTA DITINGKATKAN HUBUNGAN DAGANGAN MALAYSIA-URUGUAY

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Dewan Perniagaan dan Industri India Bersatu Malaysia (MAICCI) hari ini meminta ditingkatkan hubungan dagangan dua hala antara Malaysia dan Uruguay yang kini terlalu kecil dan berpihak kepada Uruguay.

Presiden Datuk Kenneth Eswaran berkata pada 1998, import Malaysia daripada Uruguay adalah AS\$26 juta (RM98.8 juta) dan eksport Malaysia hanya AS\$5-6 juta.

"Aliran ini masih serupa," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Duta Uruguay Roberto Taurina di sini.

Uruguay yang mempunyai penduduk 3.2 juta, dikenali kerana pertanian dan

dagang lembunya. Ia juga mempunyai sekolah pertanian.

Eswaran berikutan langkah kerajaan untuk memajukan industri pertanian, Uruguay mungkin boleh memberikan teknologi yang diperlukan.

Malaysia kini mengimport daging lembu dari Uruguay.

Sementara itu, Taurina berkata Uruguay mahu meningkatkan import barangan elektronik dari Malaysia.

"Pasaran Malaysia amat berbagai dan terdapat banyak peluang di sini. Saya akan bercakap kepada ahli-ahli perniagaan saya yang tidak tahu mengenainya dan cuba membuat mereka tertarik dengan pasaran Malaysia," katanya. -- BERNAMA

SM KTC JR

14/02/2001 18-03ST

bes bns bem

TAJOL-KTM

PERAK AMBIL LANGKAH ATASI MASALAH PENGEKSPORTAN MELALUI REL

IPOH, 14 Feb (Bernama) -- Kerajaan negeri sedang mengambil langkah menangani masalah pengesportan melalui rel dari pelabuhan darat, Ipoh Cargo Terminal Bhd di Ipoh ke Pelabuhan Kelang berikutan projek pembinaan landasan berkembar Rawang-Ipoh yang akan bermula pertengahan tahun ini.

Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata berikutan perlaksanaan projek rel berkenaan yang menelan belanja RM4 juta dan mengambil masa empat tahun, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) terpaksa memberhentikan perkhidmatannya selama 10 jam setiap hari di sebelah siang bagi kerja-kerja pembinaan.

Pemberhentian perkhidmatan keretapi selama 10 jam sehari itu dijangkakan menjejaskan perkhidmatan pengeksportan barangan keluaran industri negeri ini, kata beliau pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat exco di pejabatnya di sini hari ini.

Sehubungan dengan itu, Tajol Rosli berkata kerajaan negeri akan membentuk satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Exco Pembangunan Industri dan Usahawan serta Penerangan Datuk Ramly Zahari bagi mencari alternatif baru untuk menampung perkhidmatan pengangkutan kargo melalui keretapi yang terjejas akibat projek itu.

Antara alternatif yang sedang dipertimbangkan ialah meminta KTM memperuntukkan dua perkhidmatan keretapi khusus bagi pengangkutan kontena dari ICT ke Pelabuhan Kelang berbanding satu sekarang ini, dan menambah perkhidmatannya semasa bukan dalam tempoh pembinaan, kata beliau.

Tajol Rosli berkata selain daripada itu, pengguna digalakkan menggunakan pelabuhan di Lumut dan Pulau Pinang sebagai laluan eksport kargo ke keluar negara buat sementara waktu.

Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) juga telah diminta untuk menubuhkan satu jawatankuasa teknikal antara ICT, Lumut Maritim Terminal (LMT) dan persatuan pemilik-pemilik lori Perak untuk mendapatkan perkhidmatan pengangkutan alternatif barangan dengan menyelaraskan kemudahan pengangkutan di negeri ini dengan lebih teratur dan berdaya saing, jelas beliau.

Menteri Besar berkata LMT juga akan mempertingkatkan keupayaan pelabuhannya dari segi tempat kapal berlabuh dan tempat menyimpan kontena bagi menampung penggunaan yang mungkin bertambah berikutan masalah pengangkutan melalui rel.

Beliau berkata dengan siapnya rel berkembar itu nanti para pelabur di negeri ini akan mendapat faedah yang tinggi, khususnya perkhidmatan dari KTM.

Tajol Rosli berkata pada masa ini nilai barangan yang dieskport melalui perkhidmatan ICT dengan menggunakan rel ialah RM3,000 juta setahun bagi

tahun 1999/2000.

Kebanyakan barangan yang dieksport terdiri daripada barangan seramik, simen dan perabut.

Beliau berharap para industri yang menggunakan perkhidmatan ICT dapat menyesuaikan masa penghantaran barangan mereka dengan jadual terbaru yang akan diadakan oleh ICT berikutan projek pembangunan landasan berkembar itu.

-- BERNAMA.

HK AA

14/02/2001 18-04ST

bes bns bem

MAS-PELANTIKAN

AZIZAN PETRONAS DILANTIK PENERUSI BUKAN EKSEKUTIF MAS

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin dilantik sebagai pengerusi bukan eksekutif Penerbangan Malaysia (MAS) berkuat kuasa pada 15 Feb ini, Kementerian Kewangan mengumumkan dalam satu kenyataan, di sini, hari ini.

Menurut kementerian itu, permohonan oleh pengerusi MAS, Tan Sri Tajudin Ramli, untuk meletakkan jawatan juga telah diterima.

Ini berikutan penyelesaian penjualan 29.09 peratus pegangannya dalam syarikat itu yang dipegang menerusi Naluri Bhd kepada Menteri Kewangan Diperbadankan dengan harga RM1.792 bilion.

Kementerian itu juga mengumumkan penasihat kepada Kementerian Kewangan Datuk Md Nor bin Md Yusof, 53, akan dilantik sebagai pengarah urusan MAS.

Satu lembaga pengarah baru akan dibentuk dan diketuai oleh Azizan, kata kementerian itu.

Bagaimanapun, ia menambah pelantikan Azizan itu tidak menjejaskan jawatan lain yang dipegangnya seperti pengerusi Petronas dan Presiden Putrajaya Corporation.

Md Nor juga adalah presiden dan ketua pegawai eksekutif Bank of Commerce (M) Bhd sebelum dilantik sebagai penasihat kepada Kementerian Kewangan.

Berkhidmat sebagai seorang akauntan bertauliah, Md Nor adalah pemegang ijazah perdagangan daripada University of Otago, New Zealand. -- BERNAMA

MR SHY ZK OS

14/02/2001 18-09ST

bes bns bem

HSBC-ISLAM

HSBC YAKIN CAPAI SASARAN BAGI PERBANKAN ISLAM

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- HSBC Bank Malaysia Bhd (HSBC) yakin ia dapat mencapai sasaran 8.0 peratus bagi operasi perbankan Islam seperti yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bagi tahun ini.

BNM telah menetapkan sasaran bagi bank-bank di Malaysia untuk mencapai paras tertentu dalam operasi perbankan Islam daripada segi jumlah (iaitu bagi deposit, aset dan pembiayaan) daripada keseluruhan operasi bank.

Bagi tempoh 10 tahun yang akan datang, BNM telah menetapkan sasaran pada 10 hingga 20 peratus untuk dicapai pada tahun 2005 hingga 2010.

Timbalan pengerusi dan ketua pegawai eksekutif HSBC Dyfrig John berkata bank itu telah menyediakan beberapa pelan untuk mencapai sasaran perbankan Islam berkaitan dengan operasinya.

"BNM telah menetapkan agenda yang jelas dalam memajukan industri perbankan Islam negara dan HSBC tidak mahu ketinggalan dalam usaha ini," tegasnya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar yang diadakan selepas

permeterian perjanjian antara HSBC dengan Silverlake Systems Sdn Bhd bagi pembelian Silverlake Integrated Islamic Banking System (SIIBS) untuk menguruskan aset perbankan Islam bank tersebut.

Bagaimanapun, apabila diminta menjelaskan dengan lebih terperinci pelan yang dinyatakan tersebut, beliau menolak dengan memberi alasan tidak mahu memberi risiko kepada 'langkah strategik' bank tersebut.

Bagaimanapun, beliau membayangkan HSBC akan melancarkan produk perbankan Islam termasuk produk pembiayaan rumah, pembiayaan perdagangan dan pembiayaan berjangka.

Bank itu juga akan bekerjasama rapat dengan pengendali Takaful (insurans berasaskan Islam) bagi menjual produk berkaitan.

HSBC juga berminat dalam merangka bon Islam dan instrumen pasaran modal lain, tambahnya.

Pada masa yang sama, HSBC akan terus memperkenalkan produk perbankan Islam sedia adanya.

Mengenai SIIBS, John berkata sistem itu akan berfungsi sebagai landasan loncatan bagi pelan strategiknya.

Sebelum ini, sumbangan perbankan Islam kepada operasi HSBC adalah minimum kerana beberapa masalah yang diwarisi daripada operasi sistem yang telah kukuh.

HSBC telahpun mula menawarkan kemudahan deposit dalam bentuk simpanan Al-Wadiah dan akaun semasa.

Produk perbankan Islam lain termasuklah produk pembiayaan dalam bentuk Ijarah (penyewaan) dan produk sewa beli perindustrian yang dikenali sebagai 'Ijarah dengan Opsyen untuk Membeli' berasaskan kepada konsep Al-Ijarah Thumma Al-Bai.

Di majlis permeterian, pengarah eksekutif dan penasihat HSBC John dan Sulaiman Sujak, mewakili bank tersebut.

Sementara itu, Goh Peng Ooi dan Tan Yi Hua pula memeterai perjanjian itu mewakili Silverlake dalam kapasiti masing-masing sebagai pengerusi eksekutif dan pengarah syarikat.

Menyentuh mengenai perbelanjaan HSBC bagi teknologi maklumat (IT), John berkata kumpulan itu menjangka membelanjakan RM93 juta dalam pembangunan sistem IT di Malaysia tahun ini. HSBC merancang untuk membelanjakan RM15 juta daripada jumlah perbankan elektronik (e-banking), tambahnya.

HSBC adalah anak syarikat milik penuh HSBC Holdings Plc yang beribupejabat di London. HSBC Amanah Finance di London bertanggung jawab bagi memastikan HSBC menjadi penyedia utama produk dan perkhidmatan kewangan Islam seluruh dunia.

Kumpulan perbankan itu mempunyai rangkaian antarabangsa dengan lebih 6,000 pejabat di 81 negara dan wilayah naungan yang beroperasi di rantau Asia Pasifik, Eropah, Amerika, Timur Tengah dan Afrika.

Sehingga 30 Jun, 2000, HSBC mempunyai aset bernilai AS\$580 bilion.

Silverlake pakar dalam menyediakan perkhidmatan penyelesaian perbankan kepada pelbagai jenis pelanggan perniagaan.

Produk dan perkhidmatannya termasuklah sistem pengurusan krew syarikat penerbangan, e-dagang logistik, sistem kad, pergudangan data dan perlombongan serta aplikasi "kad pintar".

Silverlake mempunyai 800 tenaga profesional dan portfolio pelanggan terdiri daripada kira-kira 50 institusi kewangan utama.

Pasarannya termasuklah Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand, Filipina, Vietnam, Brunei, Eropah dan Timur Tengah. -- BERNAMA

MFZ SEL ZK OS

14/02/2001 19-03ST

bes bns bem

SUNWAY-LATIHAN

## SUNWAY COLLEGE DILANTIK SEBAGAI PUSAT LATIHAN AKADEMIK MICROSOFT

PETALING JAYA, 14 Feb (Bernama) -- Perlantikan Sunway College sebagai pusat untuk Program Latihan Akademik Sah (ATTP) Microsoft dimeterai hari ini menerusi Memorandum Persefahaman yang ditandatangani dengan Microsoft (M) Sdn Bhd.

Sunway College juga diiktirafkan sebagai pusat ujian untuk Pakar Pengguna Pejabat Microsoft (MOUS), Sistem Kejuruteraan Diiktiraf Microsoft (MCSE) dan Pemaju Rumusan Diiktiraf Microsoft (MCSA).

Kolej ini turut menandatangani perjanjian dengan IEC Infotech Sdn Bhd.

Di bawah perjanjian yang kedua, IEC akan menyediakan kursus kurikulum yang diperlukan, bahan-bahan kursus dan pelatih seperti mana yang disyaratkan oleh standard-standard industri untuk kursus-kursus di bawah e-dagang, MCSE, MCSA dan program-program lain.

IEC juga akan mengemaskini kurikulum kursus dan bahan-bahan kursus setiap masa dan apabila diperlukan.

Sunway College akan menyediakan premis, infrastruktur, perkakasan, perisian berlesen, bantuan pengajaran, penyelenggaraan dan pemasaran program latihan.

Pengetua kolej, Elizabeth Lee berkata kedua-dua perjanjian akan membantu meningkatkan lagi standard program yang ditawarkan oleh Fakulti Teknologi Maklumat dan Multimedia (SITM) kolej berkenaan.

Beliau berkata Sunway College berazam menjadi pembekal utama pekerja-pekerja berpengetahuan untuk Koridor Raya Multimedia dan industri IT menerusi SITM yang setakat ini mempunyai lebih daripada 1,400 pelajar mengambil program sepenuh masa dan separuh masa.

Pengarah SITM, Kanendran T Aruilrajah, berkata beliau berharap pendaftaran 200 pelajar lagi untuk MCSE dan 300 pelajar untuk MOUS tahun ini.

Sementara itu pengurus pembangunan kawasan Microsoft Cindy Chong berkata semua kerja perancangan telahpun disediakan bagi pengambilan untuk program AATP pada bulan April tahun ini.

Dalam pada itu pengerusi Kumpulan IEC, S L Gupta berkata IEC akan menempatkan tiga hingga empat pakar pelatih di Malaysia untuk tiga kursus yang ditawarkan oleh Sunway College di bawah perjanjian itu. -- BERNAMA

MSL SEL AA OS